



**Institut Penyelidikan dan
Inovasi Zakat (IPIZ)**
INSTITUTE OF ZAKAT RESEARCH AND INNOVATION

Universiti Utara Malaysia

GARIS PANDUAN

PENAWARAN GERAN INSTITUT PENYELIDIKA DAN INOVASI ZAKAT (IPIZ) – LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)



ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
2.0 DASAR PENAWARAN GERAN.....	2
3.0 TERMA DAN SYARAT.....	3
4.0 PELAKSANAAN.....	4
4.1 Penawaran dan Permohonan	4
4.1.1 Geran Penyelidikan, Geran Penyelidikan Kontrak dan Geran Perundingan	4
4.1.2 Geran Kerjasama Penyelidikan.....	5
4.1.3 Geran Sepadan (<i>Matching Grant</i>)	5
4.2 Perjanjian Kerjasama Penyelidikan/ <i>Research Agreement</i> (RA)	6
4.3 Pemantauan	6
4.4 Penutupan Geran	6
4.4.1 Perakuan Tamat Penyelidikan	6
4.4.2 Hasil Penyelidikan/ Penerbitan.....	7
5.0 PERATURAN KEWANGAN	10
6.0 CARTA ALIR PERMOHONAN PENYELIDIKA	11
GERAN IPIZ-LZNK	

**GARIS PANDUAN PENAWARAN GERAN
INSTITUT PENYELIDIKAN DAN INOVASI ZAKAT (IPIZ) – LEMBAGA ZAKAT
NEGERI KEDAH (LZNK)**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Penawaran geran penyelidikan dan perundingan di Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) adalah melalui Geran Penyelidikan Agensi Luar (Dalam Negara-Awam) oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melalui Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) UUM.
- 1.2 Pada 26 Disember 2017, cadangan penubuhan Pusat Penyelidikan dan Inovasi Zakat melalui kerjasama LZNK-UUM telah dikemukakan oleh pihak LZNK, di mana jumlah 3/8 daripada agihan balik zakat pendapatan kakitangan universiti pada setiap tahun akan dimasukkan semula ke UUM dan akan diuruskan oleh Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ).
- 1.3 IPIZ melaksanakan tanggungjawab dan fungsinya sepetimana yang diamanahkan oleh LZNK dari segi menguruskan geran penyelidikan serta geran perundingan.
- 1.4 Huraian dan takrifan:

Pembimbing	:	Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) merupakan pembimbing kepada geran penyelidikan dan perundingan serta geran khas IPIZ-LZNK.
Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), UUM	:	Merupakan sebuah pusat tanggungjawab yang menguruskan penawaran geran, pemantauan serta penutupan geran bagi geran penyelidikan dan perundingan IPIZ-LZNK.
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), UUM	:	Merupakan sebuah pusat pentadbiran yang bertanggungjawab menguruskan penawaran geran, pemantauan serta penutupan geran penyelidikan dan perundingan bagi semua jenis geran di UUM.
Ketua Penyelidik (PI)	:	PI merupakan penyelidik yang mengetuai projek dan bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan sepetimana kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang diluluskan. (semak syarat PI dalam 3P)
Keahlian	:	Setiap penyelidikan hendaklah dijalankan oleh seorang PI dari UUM dan seorang ahli penyelidik dari UUM serta perlu mempunyai ahli penyelidik dari LZNK. Jumlah maksimum ahli penyelidik yang ditetapkan bagi geran penyelidikan dan perundingan IPIZ-LZNK adalah seramai 6 orang.

2.0 DASAR PENAWARAN GERAN

- 2.1 Penawaran geran penyelidikan dan perundingan dibuka sebanyak dua kali dalam setahun. Fasa 1 adalah pada bulan Mac manakala Fasa 2 adalah pada bulan September pada setiap tahun. Setiap permohonan perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh IPIZ (*Rujuk carta alir di bahagian 6.0*).
- 2.2 Bagi penawaran geran khas (geran khas penyelidikan atau geran khas perundingan), tiada tempoh penawaran khusus ditetapkan kerana ianya bergantung kepada kehendak dan keperluan LZNK dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, setiap permohonan perlu dikemukakan kepada pihak IPIZ terlebih dahulu serta perlu mengikut segala prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak IPIZ (*Rujuk carta alir di bahagian 6.0*).
- 2.3 Geran Penyelidikan dan perundingan IPIZ-LZNK ini menggunakan dana yang disalurkan oleh LZNK dalam bentuk agihan kepada asnaf di bawah kategori *Fi sabilillah*.
- 2.4 Berikut adalah jenis geran yang ditawarkan oleh IPIZ:
 - a. Geran Penyelidikan (*Fundamental*)
 - b. Geran Penyelidikan Kontrak (*Applied Research*)
 - c. Geran Perundingan
 - d. Geran Padanan/*Matching Grant* (Geran sepadan antara dua (2) pihak yang melibatkan pihak di luar negara)
 - e. Geran Kerjasama Penyelidikan (kerjasama penyelidikan antara dua (2) pihak di dalam negara sahaja)
 - f. Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3 (kerjasama penyelidikan antara empat (4) pihak di dalam negara sahaja)
 - g. Geran Khas (Penyelidikan atau perundingan)
- 2.5 Bagi siling permohonan Geran Penyelidikan, Geran Penyelidikan Kontrak dan Geran Perundingan, jumlah minimum pembiayaan projek yang ditetapkan adalah RM5,000.00 manakala jumlah maksimum adalah RM50,000.00 bagi setiap projek penyelidikan atau perundingan. Walaubagaimanapun, sekiranya jumlah dana yang dimohon adalah melebihi jumlah maksimum yang ditetapkan, mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Perundingan (JKPP), IPIZ boleh mempertimbangkan dan meluluskan permohonan tersebut jika projek tersebut berimpak tinggi.
- 2.6 Bagi siling permohonan Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3, jumlah maksimum pembiayaan projek yang ditetapkan adalah RM20,000.00 bagi setiap projek penyelidikan. Jumlah keseluruhan peruntukan penyelidikan adalah RM80,000.00 iaitu dengan mengambil kira sumbangan RM20,000.00 daripada setiap pihak berkerjasama (kolaborator). Berikut adalah contoh pengiraan tersebut:

PENYUMBANG	JUMLAH (RM)
Universiti Induk (IPIZ, UUM)	20,000.00
Kolaborator 1	20,000.00
Kolaborator 2	20,000.00
Kolaborator 3	20,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN	80,000.00

3.0 TERMA DAN SYARAT

- 3.1 Terma dan syarat ini terpakai bagi semua jenis geran penyelidikan dan perundingan IPIZ-LZNK. Permohonan ini adalah **terbuka kepada semua staf akademik** di dalam UUM. Syarat penyelidik adalah seperti berikut:
- Penyelidik/Perunding mestilah **BERAGAMA ISLAM**.
 - Penyelidik/Perunding hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik UUM **TETAP/KONTRAK** (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah).
 - Kakitangan akademik bertaraf **KONTRAK/ BUKAN WARGANEGARA YANG BERAGAMA ISLAM** dimestikan mempunyai penyelidik/Perunding bersama bertaraf tetap.
 - Kakitangan akademik yang mempunyai baki perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan tidak dibenarkan membuat permohonan baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
 - Keutamaan akan diberikan kepada permohonan yang mempunyai ahli penyelidik/Perunding daripada **UNIVERSITI/ AGENSI/ INSTITUT PENGAJIAN TINGGI LAIN**.
 - Penyelidik/Perunding hanya dibenarkan terlibat dalam **DUA** penyelidikan geran IPIZ dalam satu masa sahaja. Penyelidik yang sedang terlibat dengan kajian IPIZ diminta menyiapkan kajian sedia ada terlebih dahulu. Pihak **IPIZ BERHAK** menolak permohonan sekiranya pemohon adalah penyelidik yang terlibat melebihi **DUA** penyelidikan geran IPIZ dalam satu masa (kecuali Geran Khas IPIZ-LZNK).
 - Semasa permohonan, PI hendaklah menamakan salah seorang ahli penyelidikan/perundingan sebagai **KETUA GANTIAN**.
- 3.2 Bagi Geran Penyelidikan, Geran Penyelidikan Kontrak dan Geran Perundingan, kajian ini dilaksanakan mengikut kesesuaian tajuk dan tema yang dipersetujui oleh pihak LZNK dan IPIZ serta mendapat perakuan dalam Mesyuarat JKPP dan kelulusan Mesyuarat JKPI.

- 3.3** Bagi Geran Khas, kajian ini dilaksanakan berdasarkan permintaan serta kelulusan khas daripada pihak LZNK dan dimaklumkan dalam Mesyuarat JKPI.
- 3.4** Tempoh penyelidikan adalah:
- a. Tempoh penyelidikan bagi Geran Penyelidikan, Geran Penyelidikan Kontrak dan Geran Perundingan adalah **satu (1) tahun** atau tertakluk kepada kelulusan pembiaya.
 - b. Tempoh penyelidikan bagi Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3 adalah **satu (1) hingga dua (2) tahun** atau tertakluk kepada kelulusan pembiaya.
 - c. Pelanjutan tempoh dibenarkan **satu kali sahaja** dan maksimum tempoh pelanjutan ialah **enam (6) bulan**. Sebarang permohonan perlanjutan tempoh hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh RIMC dan perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI).
- 3.5** Cadangan penyelidikan/ perundingan mestilah menggunakan Bahasa Melayu. Sekiranya cadangan penyelidikan/perundingan bukan dalam Bahasa Melayu, ianya perlu mendapat kelulusan daripada pembiaya terlebih dahulu.

4.0 PELAKSANAAN

4.1 Penawaran dan Permohonan

4.1.1 Geran Penyelidikan, Geran Penyelidikan Kontrak dan Geran Perundingan

- a. Penawaran geran akan dibuka kepada staf akademik bergantung kepada arahan pembiaya iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).
- b. Penawaran geran perlu dihebahkan kepada semua staf akademik bagi memastikan tidak timbul isu konflik berkepentingan.
- c. Pemohon perlu mengemukakan salinan permohonan (Borang permohonan dan proposal) secara *hardcopy* dan *softcopy* kepada pihak IPIZ untuk tujuan perekodan.
- d. Setiap permohonan yang diterima oleh pihak IPIZ akan disaring di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Saringan Penyelidikan dan Perundingan (JSPP) di peringkat IPIZ dan kemudian dikemukakan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Perundingan (JKPP), IPIZ yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UUM dan turut dihadiri oleh pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).
- e. Penyelidik perlu mengemukakan cadangan penyelidikan kepada Jawatankuasa Saringan Penyelidikan dan Perundingan (JSPP) di IPIZ

untuk mendapatkan penilaian/komen/pandangan sebelum diperaku oleh Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Perundingan (JKPP). Penyelidik perlu membuat penambahbaikan cadangan penyelidikan berdasarkan penilaian/komen/pandangan penilai di peringkat JSPP dan JKPP sebelum dibawa ke Mesyuarat JKPI untuk mendapatkan perakuan kelulusan.

- f. Dalam cadangan penyelidikan, penyelidik perlu menyertakan anggaran belanjawan penyelidikan mengikut kesesuaian peruntukan geran yang dipohon berdasarkan Dokumen Peraturan Pengurusan Penyelidikan (3P).

4.1.2 Geran Kerjasama Penyelidikan

- a. Penawaran Geran Kerjasama Penyelidikan melibatkan kerjasama penyelidikan antara dua (2) pihak di dalam negara sahaja manakala Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3 melibatkan kerjasama penyelidikan antara empat (4) pihak di dalam negara sahaja.
- b. Penawaran Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3 ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang digariskan dalam Malaysia Research Assessment Instrument (MyRA I) bagi Seksyen G: Jaringan dan Jangkauan bagi tujuan universiti induk (UUM) dapat menjalankan kerjasama secara 4 penjuru.
- c. Geran Kerjasama Penyelidikan UUM 1+3 (Geran 1+3) adalah merupakan kerjasama projek Penyelidikan di antara universiti utama sebagai induk dengan sekurang-kurangnya tiga (3) buah Universiti Penyelidikan/Universiti Awam / Universiti Swasta / Industri / Agensi dalam setiap projek.
- d. Setiap permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3 IPIZ.
- e. Semua penyelidikan mesti mengikut Panduan Penyelidikan Universiti dan Peraturan Kewangan Universiti. Semua rakan kerjasama mesti menyumbang dana untuk projek berkenaan dan nilai sumbangan mesti dinyatakan dengan jelas dalam dokumen perjanjian. Semua transaksi dana yang berlaku selepas kelulusan Geran 1+3 ini perlu dibuktikan.

4.1.3 Geran Sepadan (*Matching Grant*)

- a. Penawaran Geran Kerjasama Penyelidikan (*Matching Grant*) adalah sepertimana prosedur permohonan Geran Penyelidikan, Geran Penyelidikan Kontrak dan Geran Perundingan.
- b. Cadangan penyelidikan perlu berkaitan dengan *niche area* UUM.
- c. Pemohon perlu mengemukakan bukti dokumen persetujuan di antara kedua belah pihak (*Letter of Intent*).

- d. Penyelidik perlu memastikan terdapat penyaluran dana dari pihak yang bekerjasama dan perlu dinyatakan dengan jelas dalam MoA. Sekiranya tiada penyaluran dana, kelulusan permohonan menjalankan projek penyelidikan akan terbatal.
- e. Penyelidik yang ingin menjalankan kerjasama penyelidikan dinasihatinya menjalankan kerjasama dengan universiti/ agensi/ institut pengajian tinggi lain yang sama atau lebih tinggi ranking dari UUM. Kriteria rakan kolaborasi berdasarkan senarai yang diluluskan oleh pihak universiti.
- f. Penyaluran dana *Matching Grant* ini hanya dibenarkan berlaku antara universiti yang berkolaborasi dengan mengemukakan bukti transaksi penyaluran dana daripada pihak universiti tersebut.

4.2 Perjanjian Kerjasama Penyelidikan/*Research Agreement (RA)*

Dokumen perjanjian adalah ikatan/perjanjian antara pihak yang dibiayai dan pembiaya yang perlu ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan pihak yang terlibat. Penyediaan dokumen perjanjian ini adalah di bawah tanggungjawab RIMC dan tertakluk kepada kelulusan Penasihat Undang-undang UUM.

4.3 Pemantauan

- a. IPIZ dan RIMC bertanggungjawab menjalankan pemantauan ke atas semua geran penyelidikan dan perundingan IPIZ-LZNK bermula dari tarikh penyelidikan aktif sehingga penyelidikan mencapai status Tamat-KPI Dicapai.
- b. Semua penyelidik hendaklah melaporkan kemajuan penyelidikan secara berkala dua (2) kali setahun ataupun seperti yang dikehendaki oleh pihak pembiaya (seperti yang termaktub di dalam RA/Terma Rujukan) melalui **platform Portal UUM penyelidik**.
- c. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada **TIGA (3)** aspek utama seperti berikut:
 - i **Laporan Kemajuan Penyelidikan**
 - ii **Laporan kewangan**
 - iii **Lawatan Tapak**

4.4 Penutupan Geran

4.4.1 Perakuan Tamat Penyelidikan

- a. Penyelidik dikehendaki mengisi Borang Perakuan Tamat Penyelidikan dan mengemukakan laporan akhir/hasil penyelidikan kepada RIMC dan

pihak pembiaya untuk perakuan tamat (seperti yang termaktub di dalam RA/Terma Rujukan). Penyelidikan akan diperakukan tamat setelah melalui proses semakan daripada pihak IPIZ dan pembiaya serta mendapat pengesahan tamat kajian daripada pembiaya sebelum perakuan tamat kajian diluluskan dalam Mesyuarat JKPI.

- b. Penyelidik boleh menghebahkan hasil penyelidikan di dalam seminar atau saluran yang sedia ada setelah mendapat kebenaran pembiaya (seperti yang termaktub di dalam RA/Terma Rujukan).

4.4.2 Hasil Penyelidikan/ Penerbitan

Penyelidik perlu mengemukakan perkara-perkara berikut sebagai syarat tamatnya penyelidikan.

a. Geran Penyelidikan dan Geran Penyelidikan Kontrak

GERAN PENYELIDIKA DAN GERAN PENYELIDIKA KONTRAK
DANA LULUS RM10,000.00 DAN KE ATAS
<p>a) Menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks Scopus/Wos; ATAU</p> <p>b) Menerbitkan dua (2) artikel dalam mana-mana jurnal terbitan UUM Press berindeks/Penerbit lain yang diiktiraf oleh UUM; ATAU</p> <p>c) Menghasilkan satu (1) kertas polisi; ATAU</p> <p>d) Menerbitkan satu (1) bab dalam buku yang diterbitkan oleh Penerbit Dalam/Luar Negara yang diiktiraf oleh UUM; ATAU</p> <p>e) * Sepertimana yang tercatat dalam dokumen perjanjian yang telah ditandatangani; DAN</p> <p>f) Mengemukakan TIGA (3) salinan Laporan Akhir Kajian berkulit keras (IPIZ, LZNK, dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM); DAN</p> <p>g) Mengemukakan Borang Perakuan Tamat Penyelidikan dengan lengkap ke RIMC untuk kelulusan Mesyuarat JKPI; DAN</p> <p>h) Setiap laporan penyelidikan dan penyelidikan kontrak hendaklah menyatakan penghargaan kepada LZNK dan IPIZ serta UUM; DAN</p> <p>i) Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek (IP) melalui Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), UUM sebelum tamat Penyelidikan.</p> <p>* <i>tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat JKPI</i></p>

DANA LULUS KURANG DARIPADA RM10,000.00
<p>a) Menerbitkan prosiding Scopus/MyCite; ATAU</p> <p>b) Menerbitkan satu (1) artikel dalam mana-mana jurnal terbitan UUM Press berindeks/Penerbit lain yang diiktiraf oleh UUM; ATAU</p> <p>c) Menghasilkan satu (1) kertas polisi; ATAU</p> <p>d) Menerbitkan satu (1) bab dalam buku yang diterbitkan oleh Penerbit Dalam/Luar Negara yang diiktiraf oleh UUM; ATAU</p> <p>e) * Sepertimana yang tercatat dalam dokumen perjanjian yang telah ditandatangani; DAN</p> <p>f) Mengemukakan TIGA (3) salinan Laporan Akhir Kajian berkulit keras (IPIZ, LZNK, dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM); DAN</p> <p>g) Mengemukakan Borang Perakuan Tamat Penyelidikan dengan lengkap ke RIMC untuk kelulusan Mesyuarat JKPI; DAN</p> <p>h) Setiap laporan penyelidikan dan perundingan hendaklah menyatakan penghargaan kepada LZNK dan IPIZ serta UUM; DAN</p> <p>i) Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek (IP) melalui Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), UUM sebelum tamat Penyelidikan.</p> <p>* <i>tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat JKPI</i></p>

b. Geran Perundingan

GERAN PERUNDINGAN
<p>a) Mengemukakan Borang Perakuan Tamat Penyelidikan dengan lengkap ke RIMC untuk kelulusan Mesyuarat JKPI; DAN</p> <p>b) Mengemukakan Laporan Akhir/ Teknikal; DAN</p> <p>c) Mengemukakan TIGA (3) salinan Laporan Akhir/ Teknikal dalam bentuk salinan kulit keras (IPIZ, LZNK, Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM); DAN</p> <p>d) Setiap Laporan Akhir/ Teknikal hendaklah menyatakan penghargaan kepada LZNK dan IPIZ serta UUM; DAN</p> <p>e) Penerbitan berbentuk <i>research book</i>; ATAU</p> <p>f) * Sepertimana yang tercatat dalam dokumen perjanjian yang telah ditandatangani; DAN</p>

- g) Projek Perundingan berjaya dilaksanakan sepetimana yang ditetapkan dan mendapat perakuan serta kelulusan tamat daripada pembiaya.

* *tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat JKPI*

c. Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3

GERAN KERJASAMA PENYELIDIKAN 1+3

- a) Mengemukakan Borang Perakuan Tamat Penyelidikan dengan lengkap ke RIMC untuk kelulusan Mesyuarat JKPI; **DAN**
- b) Mengemukakan Laporan Akhir Kajian; **DAN**
- c) Setiap laporan penyelidikan hendaklah menyatakan penghargaan kepada LZNK dan IPIZ serta UUM; **DAN**
- d) * Sepetimana yang tercatat dalam dokumen perjanjian yang telah ditandatangani; **DAN**
- e) Menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal terindeks Scopus/Wos; **ATAU**
- f) Menerbitkan dua (2) artikel terindeks dalam mana-mana jurnal terbitan UUM Press /Penerbit lain yang diiktiraf oleh UUM; **ATAU**
- g) Menghasilkan satu (1) kertas polisi; **ATAU**
- h) Menerbitkan satu (1) bab dalam buku yang diterbitkan oleh Penerbit Dalam/Luar Negara yang diiktiraf oleh UUM; **ATAU**
- i) Menghasilkan **SATU (1)** Laporan Inovasi Sosial yang merangkumi aspek berikut:
 - i. Program pemindahan ilmu boleh dijalankan secara online/bersemuka (selepas PKP) dan secara triparti yang melibatkan akademia, industri dan komuniti;
 - ii. Program komuniti yang menunjukkan perubahan positif kepada komuniti dari segi pengetahuan, kemahiran, tingkah laku atau aspirasi (3 Bintang ke Atas);
 - iii. Bukti libatsama industri/NGO dalam pemindahan ilmu kepada komuniti. Industri/NGO wajib menyumbang sama ada secara tunai atau *in kind*. Penerima faedah (pengetahuan/teknologi) adalah komuniti; **ATAU**
- j) Menghasilkan sekurang-kurangnya SATU (1) prototaip Tahap Ketersediaan Teknologi 6 ke Atas (TRL 6-8) yang boleh dikomersialkan atau menyumbang kepada masyarakat; **ATAU**
- k) Hak Cipta/Copyright atau Paten.

* *tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat JKPI*

d. Geran Kerjasama Penyelidikan (*Matching Grant*)

GERAN KERJASAMA PENYELIDIKAN (<i>MATCHING GRANT</i>)
<p>a) Menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks Scopus/Wos; ATAU</p> <p>b) Menerbitkan dua (2) artikel dalam mana-mana jurnal terbitan UUM Press berindeks/Penerbit lain yang diiktiraf oleh UUM; ATAU</p> <p>c) Menghasilkan satu (1) kertas polisi; ATAU</p> <p>d) Menerbitkan satu (1) bab dalam buku yang diterbitkan oleh Penerbit Dalam/Luar Negara yang diiktiraf oleh UUM; ATAU</p> <p>e) *Hasil penyelidikan adalah seperti mana yang tercatat dalam dokumen perjanjian yang telah ditandatangani; DAN</p> <p>f) Mengemukakan TIGA (3) salinan Laporan Akhir Kajian (IPIZ, LZNK, Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM); DAN</p> <p>g) Mengemukakan Borang Perakuan Tamat Penyelidikan dengan lengkap ke RIMC untuk kelulusan Mesyuarat JKPI; DAN</p> <p>h) setiap laporan penyelidikan dan perundingan hendaklah menyatakan penghargaan kepada LZNK dan IPIZ serta UUM; DAN</p> <p>i) Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek (IP) melalui Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), UUM sebelum tamat Penyelidikan.</p> <p>* <i>tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat JKPI</i></p>


5.0 PERATURAN KEWANGAN

- 5.1 Penerangan dan contoh anggaran belanjawan bagi mematuhi agihan vot adalah seperti di Dokumen Peraturan Pengurusan Penyelidikan (3P).
- 5.2 Semua tuntutan kewangan mestilah melalui Pengarah RIMC.
- 5.3 Peruntukan boleh digunakan selepas RA/Terma Rujukan ditandatangani.
- 5.4 Perbelanjaan penyelidikan adalah tertakluk kepada bajet yang diluluskan dan dipersetujui di dalam RA/Terma Rujukan ditandatangani.
- 5.5 Penyelidik perlu mendapatkan kebenaran Pengarah RIMC terlebih dahulu untuk menjalankan kerja-kerja lapangan termasuklah penggunaan kenderaan sendiri semasa menjalankan urusan tersebut.

- 5.6** Tempoh penggunaan baki penyelidikan yang telah tamat adalah tertakluk kepada persetujuan penyelidik/UUM dengan pihak pembiaya. Walaubagaimanapun, bagi tujuan penerbitan, tempoh maksimum yang ditetapkan adalah 2 tahun dari tarikh tamat penyelidikan.

6.0 CARTA ALIR PERMOHONAN PENYELIDIKAN GERAN IPIZ-LZNK

Ringkasan Carta Alir Geran Penyelidikan, Penyelidikan Kontrak dan Perundingan IPIZ-LZNK (termasuk Geran Kerjasama Penyelidikan 1+3 dan *matching grant*) serta Geran Khas IPIZ-LZNK seperti berikut:



* Terdapat penglibatan LZNK